




KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	29/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JMG			



IBU tunggal, Rahmah Ismail, 66, duduk di kawasan dapur rumahnya yang runtuh dibadai air deras dalam kejadian banjir minggu lalu di Kampung Batas Ubi, Yan, Kedah.

Yan

Pasukan *Task Force* Bencana Geologi, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) tidak menemui sebarang empangan semula jadi atau *blockage* di kawasan puncak atau lereng Gunung Jerai yang dikatakan menjadi penyebab kejadian fenomena kepala air di gunung itu pada 18 Ogos lalu.

Ketua Cawangan Kepakaran Geologi Kejuruteraan JMG Dr Ferdaus Ahmad ber-

kata, berdasarkan pemerhatian di lapangan, tiada bukti atau tanda empangan semula jadi iaitu longgokan kayu dan ranting yang menahan aliran air serta menyebabkan takungan air terbentuk di gunung berkenaan.

Menurutnya, fenomena kepala air atau istilah lebih tepat bencana geologi aliran puing di gunung itu terjadi ekoran dua perkara iaitu faktor pencetus iaitu hujan lebat pada hari kejadian dan faktor penyumbang iaitu ke-

adaan geologi merangkumi tanah, batuan serta keadaan cerun di kawasan itu.

"Sebelum kejadian dikatakan kepala air itu sebenarnya terdapat hujan lebat di luar daripada keadaan biasa. Jadi air hujan meresap ke dalam tanah dan melembutkan struktur tanah serta batuan di kawasan sekitarnya.

"Faktor menyumbang kepada kejadian itu pula ialah sudut cerun gunung lebih daripada 25 darjah selain sistem retakan pada batuan di

Gunung Jerai serta ketebalan tanah di permukaan gunung menjadi faktor penyumbang kejadian tanah runtuh," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan gabungan faktor pencetus dan faktor penyumbang ini, bencana sama boleh berulang di kawasan Gunung Jerai namun pihaknya tidak dapat menentukan bila fenomena semula jadi itu akan berlaku semula.

Mengulas mengenai pembinaan empangan sabo di

cerun dan aliran sungai bagi mengurangkan kesan bencana geologi itu, Dr Ferdaus berkata, berdasarkan kajian teknikal dan kaedah sama diamalkan negara luar, empangan berkenaan boleh mengurangkan kesan buruk aliran puing.

Namun beliau menjelaskan pembinaan empangan kecil memerlukan pembabitkan pelbagai jabatan teknikal termasuk Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia bagi memastikan kaedah sesuai dan berkesan untuk dilaksanakan.

"Antara faktor perlu dipertimbang adalah geologi di kawasan terbabit sama ada sesuai atau tidak atau *cost effective* atau tidak dalam mengurangkan risiko dan mengelakkan kehilangan nyawa atau kerosakan harta benda. Kita perlu timbang banyak perkara sebelum buat keputusan tepat," katanya.

